

Dalam surat berita edisi ini, kami memberi tumpuan kepada Projek Silverlight ROSA dan berkongsi wawasan daripada perjumpaan bersama ahli Panel Kehidupan Singapura® (SLP) yang diadakan baru-baru ini. Kami juga ingin mengambil peluang ini untuk berkongsi butiran tentang platform SLP baharu kami dan pertukaran kepada baucar digital yang akan dilancarkan tidak lama lagi. Dengan perkongsian ini, kami berharap anda akan lebih memahami tujuan tinjauan kami, kepentingan maklum balas bulanan anda dan usaha kami untuk memberi anda ganjaran dengan cara yang lebih berkesan.

## Perjumpaan SLP pertama dalam bahasa Melayu



Dalam perjumpaan SLP Disember 2023 yang diadakan dalam bahasa Melayu, perbincangan mereka menyorot kepentingan perancangan persaraan awal, dan keperluan pendekatan proaktif berkenaan kesediaan kewangan. Para peserta juga berkongsi kepentingan memupuk pendirian dan sikap yang betul untuk berjaya meniti usia tua. Di samping itu, perjumpaan tersebut juga memberi kesedaran tentang kepentingan meminta bantuan, membantu mereka yang keberatan untuk meminta bantuan dan mengamalkan budaya saling menyokong. Kami ucapkan setinggi-tinggi terima kasih

kepada semua peserta yang bersikap terbuka dan bekerjasama dalam memberi kefahaman yang mendalam tentang penuaan yang berjaya. Sumbangan mereka mengukuhkan lagi penghargaan kami terhadap penyertaan aktif anda dalam panel kehidupan kami.

## Sorotan kaki tangan ROSA

### Zidane Tiew



Zidane menyertai ROSA sebagai Pembantu Penyelidikan dalam tahun 2023. Beliau membantu pasukan kami membuat penyelidikan kuantitatif dan kualitatif, serta menguruskan hal-hal berkaitan kewangan di Pusat ini. Sebagai seorang graduan dwibidang dari SMU iaitu dalam bidang Sosiologi dan Ekonomi & Pengurusan Kesihatan, Zidane percaya pendekatan bersepadu terhadap kesihatan dan sains sosial akan membolehkan usaha penyelidikan yang strategik dijalankan ke arah memajukan kesejahteraan holistik warga emas.

Selain itu, dia berharap penyelidikan dalam isu penuaan akan diterjemahkan kepada intervensi dasar yang berkesan yang akan menggalakkan penuaan yang berjaya di Singapura. Ketika waktu lapang, Zidane gemar berjoging di luar, menghabiskan masa di kedai buku dan membaca bahan bacaan yang bermutu.

## Winter Nang



Winter yang menyertai pasukan ROSA pada Ogos 2023 sebagai Pakar IT, memainkan peranan penting dalam menyelia sistem IT, mengurus pangkalan data pelayan, dan memastikan


keselamatan sistem. Pada masa yang sama beliau sedang melanjutkan pengajian peringkat doktor falsafah dalam bidang Pengurusan IT. Hal ini mencerminkan kesungguhan Winter untuk mendalami kepakaran beliau dalam bidang ini. Selain sibuk dengan tanggungjawab profesional serta mengejar pencapaian akademik, beliau juga gemar membina set LEGO, yang mempamerkan sifat kreatif dan ketelitian beliau. Jelas kelihatan bahawa Winter lebih suka menghabiskan masa di pejabat, tempat beliau sering dilihat mengusahakan pelbagai projek. Di samping itu, kesukaannya terhadap kopi ais menggambarkan pilihan yang segar bagi mendampingi jadual yang padat dan produktif. Pendek kata, Winter merupakan seorang pakar yang serba boleh dan sangat rajin, serta meminati pelbagai bidang.

## Baucar digital

Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada ahli SLP sejak beberapa tahun ini, ROSA akan mengeluarkan e-baucar secara beransur-ansur menggantikan baucar NTUC fizikal mulai Mac 2024. Peralihan kepada baucar digital ialah sebahagian daripada usaha kelestarian SMU untuk mengurangkan pembaziran kertas. Tambahan lagi, responden akan dapat menerima e-baucar secara lebih selamat daripada nombor telefon mudah alih pilihan anda selepas tinjauan ditutup pada akhir bulan. Terdapat beberapa pilihan untuk menggunakan e-baucar di berbilang pasar raya di seluruh Singapura.

Kami komited untuk memberi sokongan kepada responden yang mungkin memerlukan bantuan untuk memuat turun dan menggunakan e-baucar. Oleh itu, dalam bulan Julai 2023, kami telah bertanya kepada responden tentang cabaran-cabaran untuk menggunakan e-baucar.

Gambar Rajah 1: Alasan tidak menyokong e-baucar (n=2,382).



Dalam Gambar Rajah 1, alasan tidak menyokong e-baucar ialah kerana kurang yakin untuk menebus atau menggunakan baucar. Oleh itu, kami akan menyediakan panduan pengguna dan

merancang untuk mengadakan bengkel secara bersemuka bagi menunjukkan cara menggunakan baucar dalam beberapa bulan akan datang. Untuk responden yang tidak mempunyai telefon mudah alih atau data mudah alih, kami akan menyediakan cara lain untuk menerima baucar.


## Pengalaman Tinjauan Dipertingkatkan: Platform yang Diperkemas dan Keselamatan yang Lebih Terjamin

Untuk meningkatkan pengalaman tinjauan anda, kami telah memutuskan untuk mengubah platform tinjauan kami. Khususnya, kami ingin menjadikan seluruh proses tinjauan lebih mesra pengguna kepada para peserta kami. Sebagai contoh, portal log masuk yang telah dikemas kini memastikan keselamatan yang lebih baik dan menyediakan antara muka yang diperkemas, seterusnya menyediakan akses mudah kepada tinjauan kami. Di samping itu, kini anda boleh menyemak dengan mudah status pelengkapan tinjauan anda, serta melihat butiran peribadi anda, termasuk e-mel dan maklumat mudah alih, terus daripada portal. Walau bagaimanapun, sila maklum bahawa tiada perubahan untuk mereka yang menggunakan tinjauan proksi melalui telefon. Jika anda memerlukan bantuan menyertai tinjauan atau mengemas kini butiran peribadi anda, sila hubungi talian penting Pusat kami.

## Kesimpulan & video Projek Silverlight

Projek Silverlight, yang diketuai oleh ROSA, bertujuan untuk memperkasakan warga emas melalui agensi sosial dan penyertaan komuniti. Projek ini membolehkan warga emas merancang dan menyusun inisiatif sosial mereka sendiri mengikut kesesuaian mereka, seterusnya memberi kesan positif kepada kesejahteraan mereka. Program pengantaraan perintis selama setahun ini menggalakkan program sosial berasaskan komuniti dengan tema seperti Mengenal Semula Singapura, Pembelajaran Sepanjang Hayat, Aktiviti Fizikal, Seni dan Kebudayaan, serta Program Sukarelawan. Sejumlah 19 aktiviti, seperti membuat kuih, permainan pickleball dan lawatan safari malam, telah dianjurkan dan dijalankan oleh warga emas sendiri.

Projek ini menyerlahkan lagi kepentingan penglibatan fizikal dan mental bagi warga emas. Kepuasan terhadap keupayaan untuk memilih dan mengatur aktiviti penting secara peribadi melahirkan perhubungan sosial yang lebih bermakna. Kejayaan Silverlight menggambarkan bahawa program komuniti bagi warga emas masa kini boleh diubah dengan menekankan kepada program ini faedah menyerahkan keputusan di tangan warga emas sendiri dalam merancang aktiviti mereka. Program ini juga menyokong hubungan yang lebih erat dengan sekolah dengan cara melibatkan remaja dalam usaha tersebut dan menyediakan platform untuk komunikasi yang kerap dengan warga emas. Untuk menyemak ringkasan gambaran keseluruhan, anda boleh



menonton video ringkasan atau membaca laporan penuh dengan mengimbas kod QR di bawah.

#### Video Ringkasan



#### Laporan



## Perihal Panel Kehidupan Singapura

Sebagai ahli Panel Kehidupan Singapura, anda merupakan sebahagian daripada kumpulan yang mengandungi lebih daripada 10,000 orang responden yang menyumbang kepada kefahaman kami terhadap penuaan yang berjaya di Singapura. Kira-kira 80% ahli menyertai SLP pada tahun 2015 dan 20% lagi antara 2021-2023. Kami ucapkan terima kasih kepada anda kerana sentiasa mengambil bahagian dalam tinjauan kami dan berkongsi pendapat anda.

## Hubungi Kami

Jika anda telah berubah alamat atau nombor telefon, memerlukan sebarang bentuk bantuan untuk melengkapkan tinjauan, atau ada sebarang soalan atau maklum balas, sila hubungi kami di Talian Utama Pusat kami di nombor 6808 7910 (**10 pagi hingga 5 petang**, Isnin hingga Jumaat) atau di [slp@smu.edu.sg](mailto:slp@smu.edu.sg). Kami sentiasa bersedia mendengar pendapat anda.